

23 JUL 2001

LEAD UEM-PENGAMBILALIHAN  
KERAJAAN TAWAR AMBILALIH UEM

Oleh: Mohd Arshi Daud and Mohsin Taib

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Kerajaan, menerusi cabang pelaburannya Khazanah Nasional Bhd, hari ini membuat tawaran untuk mengambilalih United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM), unit konglomerat Renong Bhd yang berdepan dengan masalah hutang.

Menerusi anak syarikat milik penuhnya Syarikat Danasaham Sdn Bhd, jentera pelaburan tujuan khas, Khazanah Nasional hari ini menyerahkan notis tawaran sukarela bersyarat kepada Lembaga Pengarah UEM.

Ia menawarkan untuk membeli 99.78 peratus saham UEM atau 815,303,483 saham bernilai 50 sen setiap satu pada RM4.50 sesaham dan 98.84 peratus daripada waran UEM atau 98,053,203 waran pada 40 sen bagi satu waran secara tunai.

Danasaham juga menawarkan untuk mengambilalih semua saham biasa baru bernilai 50 sen setiap satu dalam UEM yang mungkin diterbitkan selaras dengan pelaksanaan sebarang tawaran waran dalam UEM.

Khazanah sudahpun memiliki 0.22 peratus atau 1.773 juta saham biasa bernilai 50 sen setiap satu dalam UEM dan kira-kira 1.16 peratus atau 1,151,600 waran UEM.

Berita tersebar pada minggu lalu bahawa kerajaan akan mengambilalih kumpulan Renong. Saham UEM dan Renong digantung sejak 18 Julai lalu sementara menunggu pengumuman pengambilalihan itu dan kali terakhir disebutharga masing-masing pada RM3.56 dan 80.5 sen.

Tawaran pengambilalihan Danasaham itu adalah pada 26.4 peratus premium mengatasi harga pra-penggantungan saham UEM dan 52 peratus diskaun mengatasi harga waran UEM 83 sen.

Renong memegang 37.92 peratus pegangan dalam UEM manakala UEM mempunyai 32.6 peratus pegangan dalam Renong.

Renong, yang menanggung beban hutang bernilai RM13 bilion mempunyai kepentingan dalam pembinaan, lebuhraya, hotel, perbankan dan pembangunan hartanah.

Pada minggu lalu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membayangkan kerajaan akan mengambilalih Renong apabila beliau memberitahu media kerajaan sedang mencari satu penyelesaian bagi menangani masalah kewangan Renong.

Mengumumkan tawaran pengambilalihan Danasaham itu hari ini, bank saudagar Aseambankers Malaysia Bhd, menyatakan Danasaham tidak berhasrat untuk menyemak semula harga tawaran itu.

Ia juga menyatakan Danasaham bercadang untuk menggugurkan UEM daripada penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sejajar dengan penyelesaian tawaran sukarela itu.

Bagi mengeluarkan UEM dari penyenaraian, Khazanah memerlukan sekurang-kurangnya 90 peratus pegangan dalam syarikat tersebut.

Penganalisis percaya Khazanah tidak berdepan dengan banyak masalah untuk memenuhi had siling ini di mana Renong mempunyai pegangan 37.92 peratus dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikatakan bersedia menerima tawaran itu.

KWSP dan agensi berkaitan kerajaan lain dijangka memiliki 13 peratus pegangan UEM.

Seorang penganalisis berkata dengan Danasaham bertegas ia tidak akan menyemak semula tawaran tersebut, pelabur-pelabur tidak mempunyai pilihan lain selain menerima harga RM4.50 itu.

"Kerajaan mempunyai dana terhad dan menunjukkan bahawa tawaran itu

berada pada kedudukan sama ada jika mahu ambil, jika tidak biarkan sahaja," katanya.

"Ketika pasaran menjangkakan harga tawaran RM6 sesaham, pelabur-pelabur kini perlu berusaha keras untuk menangani kerugian mereka (dengan tawaran RM4.50 itu)," katanya.

Sesetengah penganalisis malahan meletakkan nilai UEM melebihi RM10 sesaham.

Sementara itu seorang pengurus dana berkata tawaran itu telah menimbulkan banyak persoalan berhubung kumpulan UEM-Renong.

Ia termasuklah sama ada kerajaan akan meneruskan kewajipan opsyen jualan Halim Saad, bila kerajaan akan mengambilalih Renong dan malahan sama ada kerajaan akan mengambilalih kumpulan korporat lain yang berdepan dengan masalah.

Terlalu banyak persoalan yang tidak terjawab dan butir-butir terperinci berhubung tawaran itu tidak mencukupi, katanya.

Sementara itu, Khazanah akan mengadakan sidang media tengah hari ini untuk memberi taklimat ringkas tentang langkah terbaru itu.

Halim, bekas naib pengerusi eksekutif UEM pada 1998 membuat opsyen jualan RM3.2 bilion untuk membeli 32 peratus modal berbayar Renong daripada UEM.

Halim, pemegang saham utama Renong hanya membayar RM100 juta sebagai bayaran ansuran pertama opsyen jualan itu.

"Jika Khazanah meminta Halim menunaikan opsyen itu, pasaran tidak akan menganggap pengambilalihan UEM itu sebagai satu usaha menyelamatkan.

"Selagi pasaran melihat kerajaan terikat kepada tadbir urus korporat dalam niaga janji itu, sepatutnya ia tidak menjadi satu masalah," kata seorang peniaga.

Beliau juga berkata pengambilalihan UEM mungkin satu tindakan pendahuluan kepada pengambilalihan Renong oleh kerajaan seperti yang dibayangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada minggu lalu.

"Kami agak terkejut kerajaan mengambilalih UEM terlebih dahulu dan bukan Renong. Mungkin masalah Renong terlalu rumit, mungkin kerajaan melakukannya secara berperingkat," katanya. -- BERNAMA

MAD/MOT MR ZK